

TARIKH: 30/7/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT:

Isnin
31/7/23
Sinar Harian

10,000 calon tercicir SPM bakal duduki peperiksaan ulangan

SUNGAI PETANI - Seramai 10,000 calon yang tercicir atau tidak hadir menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum ini telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan itu secara ulangan.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, berdasarkan data yang diperoleh, jumlah keseluruhan calon SPM yang keciciran adalah seramai hampir 30,000 orang di seluruh negara.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melakukan intervensi dan mengenal pasti masalah yang dihadapi calon sehingga menyebabkan mereka gagal menduduki peperiksaan.

"Kita telah melakukan intervensi ke atas 30,000 calon ini dan alhamdulillah mereka telah dikenal pasti. Seramai 10,000 orang

telah daftar melalui program lanjutan tarikh pendaftaran," katanya semasa Program YES! Rock The School Edisi Mega Kedah 2023 di Aimst University pada Ahad.

Menurutnya, baki 20,000 calon lagi yang masih dikenal pasti sedang diberi perhatian oleh KPM.

"Kita ucap tahniah dan rakam penghargaan terima kasih kepada yang telah daftar kerana inilah komitmen kita, di samping meningkatkan nilai kemanusiaan melalui peluang melanjutkan pelajaran," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memandang serius laporan menyatakan hampir 30,000 calon tidak menduduki SPM.



Fadhlina (dua dari kiri) semasa hadir Program YES! Rock The School Edisi Mega Kedah 2023 di Aimst University pada Ahad.

Galak belia ceburi bidang digital



Sivakumar (depan, tiga dari kiri) dan Fadhlina (depan, tiga dari kanan) menghadiri Program YES! Rock The School Edisi Mega Kedah 2023 di Aimst University pada Ahad.

SUNGAI PETANI - Kementerian Sumber Manusia (KSM) memberi galakan kepada belia menceburi bidang digital yang mempunyai kebolehpasaran kerja tinggi, sekali gus mengurangkan pengangguran negara.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, peluang kerjaya dalam bidang digital cukup meluas dan mempunyai masa depan cerah.

Menurutnya, pendedahan dan galakan perlu diberikan kepada golongan berkenaan termasuk mereka yang masih di bangku sekolah sebagai panduan sebelum ke institusi pengajian tinggi.

"Kalau kita tanya anak-anak mengenai kerjaya pilihan, mungkin mereka kata nak jadi doktor, peguam atau jurutera.

"Cyber security dan sebagainya memang ada banyak (peluang). Saya dah

maklumkan bahawa hari ini ada 10,000 pekerjaan dalam bidang *cyber security*," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas hadir Program YES! Rock The School Edisi Mega Kedah 2023 di Aimst University pada Ahad.

Jelas Sivakumar, program dianjurkan KSM melalui TalentCorp dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan memberi pendedahan awal berhubung kerjaya dan hala tuju belia masa depan.

Beliau berkata, program yang dijalankan selama sehari itu turut memperkenalkan kepada pelajar mengenai mynext Profiling Assessment yang dibangunkan oleh TalentCorp bagi memberi bimbingan untuk mengetahui lebih mendalam tentang potensi diri mereka.